

TR 2:6:71

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA PENERIMAAN KAPAL M.V. "BUNGA ORKID" DI PORT SWETTENHAM, PADA 8HB JUN, 1971

Y.B. Menteri Pengangkutan¹ dan Datin Alam, H.E. Ambassador Hirota and Madam, Y.B. Menteri-menteri, Your Excellencies, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan merasmikan penerimaan Kapal M.V. "Bunga Orkid" dari Kerajaan Jepun serta memperingati pelayaran ulongnya petang ini.

Perhimpunan kita di sini merupakan satu peristiwa yang besar maknanya kepada negara Malaysia kerana seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, "Bunga Orkid" ini ialah kapal pertama kepunyaan Kerajaan Malaysia yang telah dibina dengan kerjasama Kerajaan Jepun di bawah peruntukan Muhibbah menurut perjanjian antara kedua negara kita dalam tahun 1967 dahulu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Since we achieved independence thirteen years ago, we have been able to earn a good name for ourselves in the eyes of the world. To this end, we have successfully consolidated our political base and at the same time carried out vast projects to provide the infrastructure for further economic expansion.

During the present phase, we feel it is time to establish our own national identity based on the concept of self-reliance and faith in our own strength and ability. In this connection, we are grateful to our many friends for their generous aid and assistance, particularly in economic development as well as in matters of security and defence.

Mr Ambassador,

I would like to thank you personally and also to your esteemed Foreign Minister, Mr Aichi, for the sincere and kind sentiments you both have for Malaysia. It is without doubt that due to the generous assistance from your Government that we have been able

¹ Y.B. Datuk Hj. Abdul Ghani Gilong.

to progress rapidly in many fields, particularly in our industrialisation efforts, during the past few years. It is my hope that this venture in genuine economic co-operation between our two countries will continue to flourish and thereby strengthen the bond of friendship between our two nations.

I would also like to take this opportunity to express our thanks and appreciation to the Mitsubishi Heavy Industries Limited for having completed the ship within one and a half years well within schedule. This is proof of the extremely high degree of technological skill and expertise available in Japan today, which have benefitted us in no small way. I am certain many other developing countries will look to Japan for technological leadership in their effort to create a progressive modern society.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya merasa bangga juga menyatakan kemajuan yang telah dicapai sejak tertubuhnya Malaysian International Shipping Corporation yang merupakan satu langkah berani Kerajaan menyertai projek perkapalan antarabangsa.

Saya suka juga mengambil peluang ini mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Syarikat Mitsubishi Heavy Industries Limited atas kesanggupan dan kejayaannya membina kapal "Bunga Orkid" ini dalam masa yang begitu singkat hingga dapat dilancarkan dalam tempuh satu setengah tahun sahaja. Ini dengan jelasnya membuktikan betapa tingginya taraf technological expertise di Jepun, khasnya pekerja-pekerja Shimonoseki Shipyard yang telah berjaya memenuhi kontrak pembinaan dalam jangka waktu yang lebih pendek dari yang dijadualkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya merasa bangga juga menyatakan kemajuan yang telah dicapai sejak tertubuhnya Malaysian International Shipping Corporation yang merupakan satu langkah berani Kerajaan menyertai projek perkapalan antarabangsa. Di samping menghidupkan kembali tradisi bangsa kita sebagai maritime nation, ini juga merupakan azam kita hendak mempunyai kebolehan dan keahlian dalam serba lapangan. Kita insaf bahawa objektif ini masih jauh di depan. Tetapi kita berharap dengan kesediaan dan kesanggupan negara-negara sahabat yang sudah jauh maju memberikan atau

lebih tepat—to share their vast technological resources—saya percaya cita-cita kita itu akan tercapai dalam tempuh tidak begitu lama.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Di bawah pengurusan MISC Kapal "Bunga Orkid" ini merupakan tambahan penting bagi route pelayaran Timur Jauh ke Eropah. Menurut rancangannya, MISC akan mempunyai dua belas kapal berjumlah 400,000 dead-weight ton dan akan meningkat kepada 1 juta dead-weight ton dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Selain dari memenuhi keperluan-keperluan bagi Far East/Europe route itu, kita tidak kurang mementingkan keperluan-keperluan domestic routes dan kemungkinan-kemungkinan menyertai lapangan utama bagi kepentingan ekonomi negara. Seperti yang seringkali saya katakan di masa-masa lepas, matlamat utama kita ialah membina negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Pada segi fizika alam, Laut Cina Selatan memisahkan bahagian barat dari bahagian timur Malaysia. Tetapi saya memandang sebaliknya iaitu lautan ini adalah merupakan jambatan yang menghubungkan kedua-dua bahagian itu serta merapatkan rakyat kita. Dalam konteks inilah perkhidmatan domestic MISC dan juga syarikat-syarikat perkapalan swasta yang lain amat mustahak serta besar maknanya merapatkan negara-negara bahagian Malaysia manakala siap projek-projek pelabuhan baru di Pantai Timur iaitu di Kuantan dan Johor Bahru.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Berpaling kepada perkara yang lebih nyata iaitu economic reality perhubungan laut hari ini, saya melihat satu lagi peranan besar bagi MISC. Hari ini pengangkutan bahan-bahan mentah dari Malaysia ke negara-negara seberang laut boleh dikatakan seluruhnya dikendalikan oleh kapal-kapal negara itu sendiri. Umpamanya, balak-balak yang diekspot dari Sabah dan Sarawak, mahupun dari Pahang, Trengganu dan Johor diangkut oleh syarikat-syarikat perkapalan swasta ke Jepun dan negara lain.

Saya ingin MISC mengambil bahagian yang saksama mengangkut hasil-hasil kekayaan negara kita ke luar negeri dalam bidang bilateral trade. Ini meliputi balak, woodchips dan juga kelapa sawit. Begitu juga isi bumi atau minerals setelah rancangan lombong tembaga Mamut di Sabah mula berhasil kelak. Dengan

demikian, kita akan mendapat pembahagian yang lebih adil bagi negara yang bermakna juga menambahkan pendapatan negara serta meningkatkan perkembangan ekonomi. Saya percaya usul ini akan diterima baik oleh pihak-pihak yang berkenaan dan dengan itu MISC benar-benar dapat memainkan peranan yang sepenuhnya sebagai badan perkapalan nasional kita. Untuk persediaan ke arah ini, MISC juga sedang merancang membeli kapal yang boleh membawa logam atau minyak—ore/oil carrier—untuk meluaskan bidang perkhidmatannya di masa akan datang.

Ladies and Gentlemen.

As I said earlier, the "Bunga Orkid" will enhance MISC's position to participate in international shipping in the framework of the Far Eastern Trade Conference. Soon, the sister ship, "Bunga Tanjong", will join the MISC fleet and an additional four others in 1972. I would like to assure our exporters that the Government will do all that it can to meet their shipping needs in the future.

Saya berpuas hati bahawa kepercayaan yang diberikan kepada pimpinan MISC tidak dikeciwakan bahkan adalah lebih dari memuaskan. Projection pembangunan MISC untuk masa hadapan menitikberatkan kepentingan negara dan dalam pengambilan tenaga kerja perimbangan pekerja baik di peringkat atas mahupun peringkat bawahan mencerminkan kepentingan perpaduan nasional.

Akhirnya, saya suka mengulangi penghargaan seluruh rakyat Malaysia kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra atas kebijaksanaan beliau yang telah menghasilkan cita-cita kita membukakan lembaran sejarah baru sebagai bangsa yang modern yang tidak ketinggalan dalam lapangan perkapalan.

Mr Ambassador, Ladies and Gentlemen.

It gives me great pleasure to receive the M.V. "Bunga Orkid" from the Japanese Government. May I wish the good ship the blessings of the Almighty in its maiden voyage and in the years to come.